



**SKEMA JAWAPAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Set 1**

1103/1

**SKEMA JAWAPAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**YAYASAN
PAHANG**

Bahagian A [30 markah]

Tema : Amalan membaca

*Tugasan: **Kepentingan amalan membaca dalam kalangan remaja***

1. Cemerlang dalam pelajaran

- mencari info berguna
- rajin menelaah pelajaran
- ulang kaji secara berkala
- menguasai pelbagai subjek

2. Meningkatkan keyakinan diri

- mereka mampu berbincang dan membimbing rakan dalam pelbagai aktiviti
- mampu mengemukakan fakta yang tepat dan boleh dipercayai
- memiliki bukti kukuh hasil pembacaan dan penyelidikan

3. Menambah ilmu pengetahuan

- ilmu dalam pelbagai bidang
- kaya dengan pengetahuan semasa
- sentiasa memanfaatkan masa terluang dengan pembacaan

Ungkapan menarik

- Membaca jambatan ilmu
- Bangsa membaca bangsa berjaya
- Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- Remaja berilmu dambaan negara
- Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

Bahagian B [100 markah]

Soalan 1

Pengisian masa lapang secara terancang memberikan pelbagai faedah kepada murid.

Bincangkan.

- a. Tema : Pengurusan masa berkesan
- b. Tugas : Membincangkan pengisian masa lapang secara terancang memberikan pelbagai faedah kepada murid
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea

- i. mengelakkan daripada aktiviti tidak bermoral
 - masa terisi dengan aktiviti berfaedah
 - tidak bergaul dengan rakan yang nakal
 - aktiviti diatur melalui jadual harian/mingguan
- ii. mengamalkan gaya hidup sihat
 - mematuhi jadual harian/ melahirkan modal insan cemerlang
 - melakukan aktiviti ridah/ bersenam/ berusaha secara berkala-mengikut jadual
 - kehidupan lebih teratur
 - minda dan fizikal yang sihat
- iii. membentuk individu yang berdisiplin
 - menghargai masa
 - mematuhi jadual yang terancang.
 - menjalani kehidupan seharian yang bermakna
 - mematuhi peraturan apabila berada di mana-mana
- iv. menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang
 - membaca di rumah, di pusat sumber atau di mana-mana
 - menambah ilmu akademik atau pengetahuan am
 - mempunyai kemahiran nilai tambah
 - perkongsian pengetahuan
- v. mengukuhkan ikatan ukhwah dalam masyarakat
 - terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan
 - menjadi sukarelawan
 - mengeratkan perpaduan
 - melahirkan generasi yang berdisiplin
- vi. menambahkan pendapatan sampingan
 - menambah wang saku
 - menabung untuk masa depan
 - meringankan beban kewangan ibu bapa
 - belajar berdikari

Ungkapan Menarik:

- Masa itu emas
- Remaja pemimpin masa hadapan
- Membaca jambatan ilmu.
- Ringan tulang
- Menconteng arang ke muka ibu bapa
- Melentur buluh biarlah dari rebungunya.



Soalan 2

Kasih ibu membawa ke syurga, kasih bapa berkorban nyawa.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan tanggungjawab anak-anak untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa mereka.

- a. Tema : Membalas jasa
- b. Tugasan : Tanggungjawab anak-anak untuk membalas jasa
- c. Format : Tiada format

Cadangan idea

- i. meraikan hari istimewa ibu bapa
- ii. mendoakan kesejahteraan mereka
- iii. menghantar belanja bulanan
- iv. bercakap dengan lemah lembut / sopan santun
- v. merealisasikan hasrat mereka(haji, umrah, melawat sahabat/saudara, melancong)
- vi. sentiasa mengunjung/ menziarai ibu bapa di kampung

Ungkapan Menarik:

- Syurga di bawah tapak kaki ibu
- Kasih ibu membawa ke syurga, kasih bapa berkorban nyawa
- Melentur buluh biarlah dari rebungnya
- Ibu ratu hatiku
- Semakin hari semakin sayang

Soalan 3

Hubungan akrab dalam kehidupan bermasyarakat sangat penting.

Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk *“Manfaat-manfaat Hubungan Akrab dalam Kehidupan Bermasyarakat”*

Tulis rencana itu selengkapnya.

- a. Tema : Hubungan yang akrab
- b. Tugas : Manfaat-manfaat yang diperoleh daripada hubungan tersebut
- c. Format : Rencana
 - Tajuk
 - Nama penulis

Cadangan Idea

- i. Menjaga keselamatan komuniti
 - Skim Rondaan Sukarela (SRS)
 - terus bertindak jika ada perkara yang mencurigakan
 - mesyuarat tentang peranan ahli
- ii. Aktiviti gotong-royong
 - membersihkan kawasan semak samun
 - mengelakkan longkang daripada tersumbat
 - menceriakan kawasan sekitar
- iii. Meringankan penderitaan/ bebanan ahli komuniti
 - mengadakan tabung semasa kecemasan (sakit, mati, kebakaran, kemalangan)
 - wujud budaya ziarah cakna.
- iv. Mewujudkan kumpulan melalui laman sesawang (Whatsapp, Telegram)
 - hubungan secara terus dan menyeluruh
 - masalah diatasi dengan segera
 - tindakan secara terus dan menyeluruh

Ungkapan Menarik:

- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Cubit paha kanan, paha kiri terasa jua
- Aur dengan tebing
- seikat bak sirih, serumpun bak serai

Soalan 4

Pelarian negara-negara serantau seperti dari Bangladesh, Myanmar dan Kemboja telah memberi kesan kepada negara-negara jiran.

Huraikan kesan-kesan kemasukan pelarian kepada negara-negara terlibat.

- a. Tema : Kemasukan pelarian
- b. Tugasan : Kesan-kesan kemasukan pelarian
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea :

- i. Masalah sosial : Jenayah
 - rompakan/ menyamun/ perculikan/ mencuri/ menipu
 - pergaduhan sesama sendiri
 - perselisihan faham dengan masyarakat tempatan
- ii. Bebanan kewangan kerajaan
 - penyediaan makan minum/ tempat tinggal
 - penghantaran pulang (tambang/ pengangkutan)
 - melibatkan anggota keselamatan (Polis, Imigresen, Askar) untuk menjaga pelarian
- iii. Penyakit bawaan
 - malaria, batuk kering, tibi
 - Aids, HIV, sifilis
- iv. Hubungan diplomatik terjejas
 - hubungan semakin renggang antara negara asal pelarian
 - sikap negara asal tidak mahu menerima kembali ke negaranya
 - tidak mengiktiraf bahawa pelarian itu rakyatnya

Ungkapan Menarik

- Lepas tangan
- Tidak ada beban batu digalas
- Di mana ada gula, di situ ada semut
- Menahan lukah di pergentingan
- Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul

Soalan 5

Karya sastera seperti novel dan cerpen yang bermutu akan menarik minat masyarakat untuk membaca karya tersebut.

Jelaskan keistimewaan yang dapat menarik minat anda untuk terus membaca karya tersebut.

- a. Tema : karya sastera
- b. Tugas : keistimewaan-keistimewaan karya sastera
- c. Format : format tiada

Cadangan idea

- i. Tema menarik dan meninggalkan kesan mendalam
 - kemasyarakatan/ percintaan / persahabatan
 - relevan dengan kehidupan masyarakat
 - menambah dan berkongsi pengalaman hidup
- ii. Plot yang menarik
 - jalan cerita yang tidak meleret
 - susunan plot yang kemas(mencakupi semua teknik plot)
 - jalan cerita yang sesuai dengan tahap pemikiran pembaca
- iii. Aspek bahasa
 - penggunaan bahasa yang mudah
 - penggunaan diksi yang menarik dan berkesan
 - mudah difahami
 - penggunaan frasa menarik yang menerbitkan rasa ingin tahu pembaca
- iv. Watak dan perwatakan
 - Penulis menampilkan watak-watak yang berjaya menghidupkan jalan cerita
 - watak ciptaan yang menjiwai jalan cerita dan meninggalkan kesan di hati
 - mengandungi watak antagonis, protagonis yang saling mewarnai jalan cerita
 - belajar sesuatu daripada watak yang ditampilkan
- v. Pengajaran
 - mengandungi mesej, nilai dan pengajaran
 - mendorong untuk membaiki diri
 - menjadi lebih positif
 - lebih bijak menyelesaikan masalah
 - mesej yang disampaikan relevan dan realistik

Ungkapan menarik

- Bahasa jiwa bangsa
- Hanya jauhari yang mengenal manikam
- Membaca jambatan ilmu
- Mata pena lebih tajam daripada mata pedang.





**SKEMA JAWAPAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Set 2**

1103/1

**SKEMA JAWAPAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**YAYASAN
PAHANG**

Bahagian A [30 markah]

Tema : **Keselamatan anak**

Tugasan: **Langkah-langkah menjaga keselamatan anak-anak di rumah.**

1. Tidak berhubung dengan orang yang tidak dikenali

- tidak melayan orang yang tidak dikenali
- mendidik anak supaya berjaga-jaga dengan orang yang tidak dikenali
- ibu bapa mengawasi individu yang mencurigakan
- memastikan nombor telefon polis sentiasa ada jika berlaku kecemasan

2. Tidak membiarkan anak-anak bermain bersendirian

- anak perlu sentiasa ditemani
- pagar rumah perlu sentiasa dikunci
- mengenali anak-anak jiran sebagai langkah pencegahan
- jiran sebagai mata dan telinga kita

3. Menyimpan peralatan berbahaya di tempat selamat

- tidak menyepahkan peralatan seperti pisau dan gunting di ruang tamu
- memastikan ubat-ubatan diletakkan dalam bekas tertutup dan sukar dicapai
- tidak membiarkan anak bermain dengan peralatan berbahaya

Ungkapan menarik

- Beringat sebelum kena
- Ingatlah orang tersayang
- Rumahku syurgaku
- Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

Bahagian B [100 markah]

Soalan 1

Remaja hari ini merupakan pemimpin pada masa hadapan.

Bincangkan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh remaja untuk menjadi pemimpin berwibawa.

- a. Tema : Pemimpin berwibawa
- b. Tugas : Ciri-ciri yang dimiliki oleh pemimpin yang berwibawa
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea

- i. Berpengetahuan tinggi/ bijaksana
 - rajin belajar (berpendidikan tinggi)
 - rajin membaca untuk menambah ilmu
 - mampu menyelesaikan masalah
 - bijak menangani kerena orang bawahan/ rakyat
- ii. Berketerampilan
 - penampilan yang menarik (bersih, kemas)
 - petah berkomunikasi (pelbagai bahasa)
 - cekap menjalani tugas (tahu peranan)
 - diyakini atau dipercayai oleh orang bawahan
- iii. Keupayaan mengurus yang tinggi
 - memberi tumpuan terhadap tugas
 - mudah berkompromi dengan orang lain
 - bijak merancang perjalanan organisasi
 - menyuntik semangat orang lain
- iv. Mematuhi undang-undang dan peraturan
 - mengelakkan unsur rasuah
 - mengutamakan integriti
 - peribadi yang telus/ jujur
 - bertindak mengikut peraturan
 - berfikiran terbuka
- v. Mudah didampingi
 - mesra dan rendah diri
 - disukai oleh pelbagai golongan masyarakat
 - disenangi rakan
 - digeruni lawan

Ungkapan Menarik

- Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara
- Jika ingin melihat negara pada masa hadapan, lihatlah generasi hari ini
- Dayung sudah ditangan, perahu sudah di air

Soalan 2

Kebejatan sosial dalam kalangan anak-anak membimbangkan ibu bapa dan masyarakat.

Jelaskan tanggungjawab anak-anak dalam menjaga maruah keluarga

- a. Tema : Masalah sosial
- b. Tugas : Tanggungjawab anak-anak dalam menjaga maruah keluarga
- c. Format : Tiada format

Cadangan Idea

- i. Menghormati ibu bapa
 - patuh nasihat ibu bapa
 - bertutur dengan sopan
 - mendoakan kesejahteraan ibu bapa
 - saling mengasihi antara ahli keluarga
- ii. Menjaga nama baik keluarga
 - jaga pergaulan
 - tidak terlibat dengan jenayah
 - jaga tingkah laku/ cara berpakaian
 - saling mengasihi antara ahli keluarga
- iii. Patuh kepada ajaran agama
 - menunaikan tanggungjawab dalam beragama
 - melakukan kebaikan terhadap masyarakat
 - menjadi contoh yang baik
 - memimpin keluarga ke jalan yang benar
- iv. Menjaga kebajikan keluarga
 - mematuhi keperluan asas keluarga/ ibu bapa
 - membantu ahli keluarga yang dalam kesusahan/ kesulitan
 - menziarahi keluarga
 - menjaga keselamatan
- v. menghadihkan kejayaan kepada keluarga
 - berjaya dalam apa-apa bidang yang diceburi
 - membanggakan keluarga
 - menjadi contoh kepada keluarga yang lain
 - berjaya dalam pelajaran

Ungkapan Menarik

- Cubit paha kanan, paha kiri terasa jua
- Rumahku Syurgaku
- Air dicencang tiada putus
- Tepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri
- Hidup sandar-menyandar bagai aur dengan tebing.

Soalan 3

Prinsip Rukun Negara kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan menerapkan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan kepentingan nilai-nilai murni yang wajar dihayati oleh masyarakat Malaysia.

- a. Tema : Nilai-nilai Murni
- b. Tugasan : Kepentingan nilai-nilai murni yang wajar dihayati oleh masyarakat Malaysia.
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea

- i. Membentuk sahsiah unggul
 - menghormati yang tua, mengasihi yang muda
 - tingkah laku yang jujur, berkeperibadian mulia
 - disenangi anggota masyarakat
- ii. Mengekalkan identiti bangsa
 - lambang ketamadunan sesuatu bangsa
 - menaikkan imej dan nama negara
 - diwarisi turun-temurun
- iii. Bersikap sopan santun dan bertatasusila
 - antara masyarakat dalam negara
 - antara masyarakat antarabangsa khususnya kepada pelancong
 - sikap sopan santun, ramah mesra akan meningkatkan industri pelancongan negara
- iv. Ziarah-menziarahi/ tolong-menolong/ cakna masyarakat
 - sikap prihatin dan kerjasama dalam pelbagai aktiviti komuniti
 - ziarah-menziarahi semasa musibah
 - masyarakat sekitar pengganti keluarga
- v. Mendisiplinkan diri/ menjaga keharmonian antara anggota masyarakat
 - tidak mementingkan diri sendiri
 - sentiasa mengawal tingkah laku

Ungkapan Menarik

- Yang muda disayangi, yang tua dihormati
- Bersatu teguh, bercerai roboh
- Jiran sepakat membawa berkat

Soalan 4

Perairan antarabangsa sering diceroboh oleh kegiatan pelanunan, penyeludupan dan penculikan.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara-negara serantau untuk memastikan keselamatan perairan negara terkawal.

- a. Tema : Keselamatan Perairan Antarabangsa
- b. Tugas : Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara-negara serantau untuk memastikan keselamatan perairan negara terkawal
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea

- i. Rondaan berkala sepanjang perairan
- ii. Mengenal pasti laluan tikus / laluan haram dan menutup laluan tersebut
- iii. Penguatkuasaan dan hukuman yang berat
- iv. Kerjasama dalam latihan bersepadu antara negara
- v. Hubungan diplomatik antara negara

Ungkapan menarik

- Cegah sebelum parah
- Biar putih tulang jangan putih mata
- Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Soalan 5


Anda ingin menyertai pertandingan menulis cerpen sempena sambutan bulan kemerdekaan peringkat sekolah. Tajuk cerpen tersebut berdasarkan peribahasa *di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung* yang bermaksud mengikut adat dan budaya di tempat yang kita diami.

Tulis cerpen tersebut selengkapnya.

- a. Tema : Peribahasa *di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*
- b. Tugas : Menulis cerpen yang bersesuaian dengan maksud peribahasa
- c. Format : Cerpen
 - Judul
 - Nama penulis

Cadangan idea

- i. Menepati ciri-ciri cerpen
 - Permulaan cerita
 - Perkembangan cerita
 - Perumitan
 - Klimaks
 - Peleraian
- ii. Memiliki
 - Tema
 - Persoalan
 - Watak dan perwatakan
 - Plot dan teknik plot
 - Nilai dan pengajaran



YAYASAN
PAHANG



**SKEMA JAWAPAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Set 3**

1103/1

**SKEMA JAWAPAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**YAYASAN
PAHANG**

Bahagian A [30 markah]

Tema : **Obesiti**

Tugasan: **Langkah-langkah mengatasi obesiti dalam kalangan masyarakat Malaysia**

1. Melakukan senaman secara berkala

- sekurang-kurangnya tiga kali seminggu
- 20 minit setiap sesi
- dilakukan bersama-sama ahli keluarga

2. Budaya pengambilan makanan berkhasiat

- mengikut piramid makanan dengan kepelbagaian jenis makanan
- mengurangkan pengambilan makanan berkalori tinggi, bergula dan berlemak
- kuantiti kalori makanan perlu diukur/ dikurangkan
- mengambil makanan yang mengandungi pelbagai nutrisi seperti zat besi, kalsium, vitamin dan mineral.

3. Mengelakkan pengambilan makanan segera

- Makanan segera mengandungi kalori yang tinggi
- Sikap masyarakat hari ini yang gemar memilih makanan segera kerana mudah diperoleh
- jangan sesekali makan makanan segera pada lewat malam

Ungkapan menarik

- badan sihat otak cerdas
- sudah terhantuk baru tengadah
- mencegah lebih baik daripada mengubati
- ikut hati mati, ikut rasa binasa

Bahagian B [100 markah]

Soalan 1

Sekolah anda telah mengadakan Hari Koperasi sempena minggu keusahawanan. Selaku setiausaha kelab koperasi sekolah, anda diminta menulis laporan tentang aktiviti hari koperasi tersebut.

Tulis laporan itu selengkapnya.

- a. Tema : Hari keusahawanan.
- b. Tugasan : Laporan aktiviti-aktiviti Hari Koperasi di sekolah.
- c. Format : Tiada format

Cadangan Idea

- A. Sebelum Hari Koperasi
 - i. Pelantikan AJK Mesyuarat
 - pembentangan kertas kerja
 - mesyuarat AJK pelarasan
- B. Semasa Hari Koperasi
 - Aktiviti Hari Koperasi
 - i. Karnival jualan
 - ii. Pertandingan (mencari harta Karun, pertandingan menggubah bunga, memasuki, petanq)
 - iii. Cabutan bertuah
 - iv. Pameran daripada agensi kerajaan
 - v. Perkhidmatan cuci kereta
 - vi. Aktiviti menanam pokok sebagai gimik pelancaran
- C. Selepas Aktiviti Hari Koperasi
 - i. Membersih kawasan gerai
 - ii. Gotong-royong
 - iii. Mencapai objektif
 - iv. Harapan: Semoa aktiviti ini dapat diteruskan pada masa hadapan

Ungkapan Menarik:

- Melentur buluh biarlah dari rebungunya
- Muafakat membawa berkat
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- Hati hendak semua jadi

Soalan 2

Ibu bapa perlu menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi.

Bincangkan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam menerapkan semangat patriotisme kepada anak-anak.

- a. Tema : Semangat patriotik
- b. Tugasan : Usaha-usaha ibu bapa untuk menerapkan semangat patriotik kepada anak-anak
- c. Format : Tiada

Cadangan idea

- i. Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak
 - ibu bapa ialah guru pertama anak-anak di rumah
 - pendidikan awal bermula di rumah
 - setiap perilaku menjadi contoh kepada anak-anak
- ii. Mendidik anak-anak cinta kepada perjuangan tokoh kemerdekaan
 - membaca kisah sejarah tokoh-tokoh kepada anak-anak
 - menonton filem tokoh kemerdekaan
- iii. Mengibarkan Jalur Gemilang setiap kali menyambut hari kemerdekaan
 - menggalakkan anak-anak untuk mengibar Jalur Gemilang di rumah dan pada kenderaan
 - dapat menimbulkan semangat sayang akan negara apabila melihat Jalur Gemilang
- iv. Membawa anak-anak ke tempat-tempat bersejarah
 - tempat-tempat bersejarah dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri
- v. Menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti Bulan Kemerdekaan
 - memberi semangat dan galakkan kepada anak-anak untuk menyertai pada bulan kemerdekaan
 - Contoh, menulis esei, drama dan cerpen

Ungkapan menarik

- Melentur buluh biarlah dari rebungunya
- Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung
- Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama

Soalan 3

Golongan siswazah pada hari ini memilih untuk menceburi bidang perniagaan kerana bidang ini menjanjikan pendapatan yang lumayan.

Nyatakan persiapan-persiapan yang perlu dilakukan oleh mereka sebelum menceburi bidang perniagaan.

- a.Tema : Kerjaya perniagaan
- b.Tugasan : Persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang perniagaan.
- c.Format : Tiada format

Cadangan Idea

i. Menguasai asas perniagaan

- penyediaan akaun
- pengiraan untung rugi
- konsep untung bersih
- pendapatan kasar
- import dan eksport

ii. Kepakaran ICT

- mengendalikan perniagaan atas talian
- mempromosi iklan produk/ pengeluaran
- sesuai dengan masyarakat masa ini
- mendapat pasaran yang lebih luas

iii. Mendapatkan modal

- agensi-agensi kerajaan
- Amanah Ikhtiar/ Bank/ MARA/ Agrobank
- Tabungan/ simpanan
- Bantuan keluarga

iv. Keperibadian menarik

- komunikasi berkesan
- mempunyai kemahiran mempengaruhi
- tutur kata dan tingkah laka yang sopan
- penampilan diri yang menyakinkan orang lain

v. Memiliki ilmu keusahawanan dan kepenggunaan

- mempelajari selok belok perniagaan
- peka dengan urus niaga semasa
- pemilihan produk perniagaan yang sesuai dengan pelanggan

Ungkapan Menarik

- sembilan persepuluh rezeki adalah dari perniagaan
- Genggam bara api biar sampai menjadi arang
- Kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai

Soalan 4

Keunikan dan kecantikan negara-negara antarabangsa seperti Indonesia, Malaysia dan Korea mampu menarik kedatangan pelancong dari serata dunia.

Huraikan faktor-faktor yang mendorong kedatangan pelancong ke negara-negara tersebut.

- a. Tema : Sektor pelancongan dunia
- b. Tugas : Faktor-faktor kedatangan pelancongan ke negara-negara tersebut
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea

- i. Keunikan destinasi
 - budaya(Indonesia, Malaysia, Korea) yang pelbagai
 - makanan
 - sejarah
 - lokasi pelancongan – laut, pantai, hutan, tempat, bersejarah, cuaca/iklim
- ii. Kemudahan hospitaliti pelancongan yang baik
 - menyediakan restoran halal
 - kemudahan pengangkutan awam yang bersih dan selamat
 - hotel/ restoran yang selesa
 - layanan mesra kepada pelancong
- iii. Pakej pelancongan yang berpatutan
 - kemudahan tiket penerbangan tambang murah(Air Asia)
 - penyediaan pengangkutan dan penginapan harga patut
 - agensi pelancongan yang mesra pelanggan
- iv. Kemudahan pusat beli-belah/ pusat kraf tangan/ Festival Makanan Tradisional 'Food Fair'
 - syurga beli-belah
 - harga barangan yang masih murah- barang berkualiti dan pelbagai
 - pusat beli-belah antarabangsa/ jenama terkenal
- v. Keselamatan dan keamanan negara
 - kestabilan politik – rasa selamat
 - bebas bergerak dalam negara berkenaan
 - hubungan baik antara negara
 - rasa disambut baik oleh rakyat berkenaan
 - selesa dan selamat seperti di negara sendiri

Ungkapan Menarik

- Jauh berjalan luas pandangan
- Tak kenal makan tak cinta
- Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- Negara serumpun

Soalan 5

*Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah
(Gurindam dua belas fasal yang ketiga)*

Maksud petikan gurindam di atas ialah seseorang yang menjaga tutur kata akan mendapat banyak manfaatnya. Jelaskan manfaat-manfaat tersebut.

- a. Tema : Nilai Murni
- b. Tugas : Manfaat-manfaat menjaga tutur kata/ percakapan/ pertuturan
- c. Format : Tiada

Cadangan Idea

- i. Disenangi rakan taulan
 - pertuturan yang baik/sopan
 - mudah didampingi
 - dipercayai oleh orang lain
 - mudah memperoleh pertolongan
 - berpegang kepada janji
- ii. Menjadi ikutan/ idola/ contoh/ suri teladan
 - berperibadi mulia
 - disanjung oleh masyarakat
- iii. Mengelakkan perbalahan/ permusuhan
 - tidak menyakiti hati orang lain
 - menyelesaikan masalah dengan baik
 - tidak mudah beremosi
 - tidak menyebarkan fitnah
- iv. Diingati oleh orang lain
 - sentiasa disebut-sebut
 - sentiasa diperlukan untuk perbincangan mengatasi masalah
 - memberi sumbangan kepada masyarakat
 - orang tengah dalam menyelesaikan pertelingkahan
- v. Memupuk perpaduan
 - menghormati orang lain
 - menjaga tingkah laku
 - jalin hubungan yang baik

Ungkapan Menarik

- Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya
- Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa
- Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama
- Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berkata baik atau lebih baik diam. Hadis Riwayat Bukhari- Muslim